

Headline	TNB sedia khidmat percuma periksa litar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	22
ArticleSize	131 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,867		



## TNB sedia khidmat percuma periksa litar

**Kuantan:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) Pahang menyediakan perkhidmatan percuma pemeriksaan pendawaian termasuk meter elektrik di rumah lebih 40,000 mangsa banjir.

Perkhidmatan itu akan dilakukan satu pasukan khas yang ditubuhkan bagi menjamin keselamatan isi rumah yang mungkin terdedah dengan kejadian litar pintas apabila sistem pendawaian berkemungkinan rosak akibat ditenggelami air.

Pengurus Besarnya, Datuk Sharuddin Mohd Simin, berkata pasukan khas berkenaan mendapat kerjasama Suruhanjaya Tenaga (EC) yang turut bertanggungjawab terhadap keselamatan pengguna.

### Pemeriksaan teliti

Beliau berkata, pendawaian setiap rumah yang ditenggelami banjir perlu diperiksa secara teliti termasuk meter bagi memastikan ia selamat digunakan oleh penduduk selepas pulang semula ke rumah mereka selepas banjir surut.

Ini kerana, katanya, air banjir boleh meresap ke dalam wayar sekiranya terdapat bahagian yang pecah atau terputus yang boleh menyebabkan litar pintas dan membahayakan pengguna.

“Kita memberi lebih keutamaan kepada rumah yang ditenggelami banjir sepenuhnya seperti di Sungai Isap, Kampung Cendering, Tanah Putih Baru dan Bukit Rengin,” katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Beliau berkata, kakitangan terbabit akan memberikan nasihat teknikal selepas melakukan pemeriksaan termasuk jika pendawaian perlu diganti.

Sharuddin berkata, TNB hanya bertanggungjawab memberi nasihat serta cadangan tahap keselamatan pendawaian tetapi keputusan akhir terletak kepada pemilik premis.

Katanya, pengguna boleh menghubungi TNB untuk melakukan pemeriksaan di rumah masing-masing.

TNB boleh dihubungi menerusi nombor 15454.

“Saya nasihatkan pengguna yang tiada kemahiran jangan baiki sendiri pendawaian yang rosak sebaliknya mohon bantuan TNB,” katanya.